



## **GARIS PANDUAN PENDAFTARAN BADAN KEBUDAYAAN DAN PENGGIAT SENI BUDAYA DI BAWAH LEMBAGA KEBUDAYAAN NEGERI SABAH**

### **1. TUJUAN**

- 1.1. Garis panduan ini disediakan sebagai panduan Pengurusan dan badan kebudayaan dalam menguruskan pendaftaran badan kebudayaan di Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah.

### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1. Badan kebudayaan serta penggiat seni yang bergiat dalam bidang seni budaya merupakan pelanggan utama Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah. Maka selaras dengan keputusan Mesyuarat Penuh Lembaga Pengarah, Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah Bi. 1/2020 bertarikh 14 Julai 2020, semua badan kebudayaan yang beroperasi di Sabah bolehlah didaftarkan di Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah menurut Enakmen Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah 1996 (Pindaan) 2010.
- 2.2. Pendaftaran badan kebudayaan bertujuan untuk memudahkan urusan tadbir dan perhubungan di antara kerajaan (Lembaga

**“SABAH MAJU JAYA”**

Kebudayaan Negeri Sabah) dengan badan kebudayaan di Sabah.

- 2.3. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab pihak Lembaga untuk memberikan keutamaan kepada semua badan kebudayaan berdaftar dengan Lembaga Kebudayaan Negeri bagi sesuatu program atau skim yang diurus melalui agensi tersebut.

### 3. DEFINISI BADAN KEBUDAYAAN

- 3.1. Bagi tujuan garis panduan pendaftaran badan kebudayaan ini, definisi **badan kebudayaan** adalah seperti berikut:
  - i. “badan kebudayaan” ertinya sesuatu persatuan, pertubuhan, kumpulan orang, syarikat, perusahaan, institusi atau pusat kebudayaan yang menjalankan kebudayaan di Negeri Sabah” [Seksyen 2 (a)].
  - ii. Pendaftaran sebagai “Badan kebudayaan” juga mengambil kira individu (berkarya secara solo) didaftarkan sebagai sebahagian dalam “kumpulan orang”.
- 3.2. “Pendaftar badan kebudayaan” ertinya Pengurus Besar Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis.

**“SABAH MAJU JAYA”**

#### 4. KAEDAH PENDAFTARAN

- 4.1. Pendaftaran badan kebudayaan dibuat secara atas talian melalui website Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah.
- 4.2. Permohonan baru dan pembaharuan pendaftaran badan kebudayaan boleh dilakukan sepanjang tahun.

#### 5. SYARAT DAN TERMA PERMOHONAN

- 5.1. Pemohon (atau wakilnya) merupakan warganegara atau berstatus penduduk tetap Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas ketika membuat pendaftaran.
- 5.2. Badan Kebudayaan yang didaftarkan hendaklah beroperasi di Sabah.
- 5.3. Badan kebudayaan juga hendaklah aktif menjalankan kebudayaan dan kesenian di negeri Sabah dan sedang menjalankan aktiviti kebudayaan dan kesenian sebagai kegiatan utama dalam mana-mana kelas seperti berikut:

**Jadual 1: Aktiviti kebudayaan dan kesenian**

<b>KELAS</b>	<b>JENIS AKTIVITI</b>
Kelas 1	Persembahan pentas dan tontonan ramai
Kelas 2	Dokumentari dan perfileman
Kelas 3	Seni Visual
Kelas 4	Fesyen dan peragaan pakaian

**“SABAH MAJU JAYA”**

<b>KELAS</b>	<b>JENIS AKTIVITI</b>
Kelas 5	Perkhidmatan tempat peranginan, lawatan dan penginapan
Kelas 6	Ejen atau orang tengah untuk promosi lawatan pelancongan, jualan produk seni budaya atau perkhidmatan kebudayaan.
Kelas 7	Pembuatan kraf tangan berasaskan hasil rimba, benang atau manik, tekstil, logam, seramik atau kaca.
Kelas 8	Peruncit atau pemborong hasil kraf tangan dan makanan.
Kelas 9	Penulis buku, blogger atau karya bercetak termasuk kaedah digital, media sosial, vloger
Kelas 10	Seni mempertahankan diri
Kelas 11	Perubatan tradisional termasuk khidmat urutan dan ritual budaya.
Kelas 12	Perniagaan berasaskan rakaman dan komposisi gubahan lagu
Kelas 13	Kegiatan berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran seni budaya
Kelas 14	Lain-lain yang tidak termasuk dalam kelas-kelas di atas.

**“SABAH MAJU JAYA”**

## 6. KADAR YURAN PENDAFTARAN

6.1. Kadar yuran pendaftaran badan kebudayaan adalah seperti berikut:

**Jadual 2: Kadar Yuran Pendaftaran Badan Kebudayaan**

Bil	Jenis pendaftaran	Kadar yuran / Fi (RM)	Catatan
1.	Syarikat	RM50.00	Ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1995
2.	Institusi	RM50.00	Kerajaan atau swasta
3.	Pusat Kebudayaan	RM50.00	
4.	Perusahaan (selain syarikat)	RM30.00	Mempunyai lesen perniagaan dari Pihak Berkuasa Tempatan
5.	Persatuan	RM30.00	Berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia
6.	Komuniti	RM30.00	Kumpulan orang termasuk komuniti kampung, komuniti pelancongan, kelab, <i>buskers</i> yang diadakan lebih daripada 2 orang)
7.	Penggiat budaya (Individu)	RM30.00	Bergiat secara solo

- 6.2. Caj yuran pendaftaran dikenakan sekali sahaja selagi badan kebudayaan yang didaftarkan masih aktif (menghantar laporan tahunan dalam bentuk minit mesyuarat yang menyatakan jawatankuasa dan aktiviti tahunan).

## **7. TANGGUNGJAWAB PEMILIK DAFTAR**

- 7.1. Badan kebudayaan yang telah didaftarkan dalam sistem pendaftaran hendaklah menghantar laporan aktiviti tahunan (menghantar laporan tahunan dalam bentuk minit mesyuarat yang menyatakan jawatankuasa dan aktiviti tahunan) pada Disember setiap tahun bagi memastikan pendaftarannya berstatus aktif.
- 7.2. Sekiranya badan kebudayaan tersebut gagal menghantar laporan selama 2 tahun berturut-turut dianggap tidak aktif lagi dan pembaharuan pendaftaran harus dibuat semula dengan caj yuran yang ditetapkan.
- 7.3. Memastikan kegiatan kebudayaan dan kesenian yang dijalankan tidak bertentangan dengan mana-mana dasar, peraturan dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

## **8. TANGGUNGJAWAB PENDAFTAR**

- 8.1. Memastikan rekod daftar Badan Kebudayaan diselenggarakan dengan baik.

**“SABAH MAJU JAYA”**

- 8.2. Memastikan penglibatan badan kebudayaan berdaftar dalam program atau skim atau apa-apa aktiviti yang dianjurkan atau dikelolakan oleh Kerajaan atau Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah.
- 8.3. Memastikan sijil pendaftaran diserahkan kepada Badan Kebudayaan yang memohon dalam tempoh 14 hari selepas diluluskan dengan menyatakan nama dan nombor pendaftaran serta tarikh daftarnya.
- 8.4. Mengeluarkan surat peringatan 3 bulan sebelum tamat tempoh aktif bagi membolehkan badan kebudayaan menghantar laporan yang diperlukan.
- 8.5. Mengeluarkan surat pemberitahuan status pendaftaran kepada mana-mana badan kebudayaan tidak aktif.

## **9. KAWALAN DAN SEKATAN**

- 9.1. Mana-mana badan kebudayaan yang didaftarkan di Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah adalah tertakluk kepada peraturan di bawah Seksyen 24A, Enakmen Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah 1996 dan pekeliling-pekeliling berkaitan yang sedang berkuat kuasa.
- 9.2. Lembaga boleh membatalkan atau menggantung pendaftaran sesuatu badan kebudayaan jika Lembaga berpuas hati bahawa badan kebudayaan itu –

**“SABAH MAJU JAYA”**

- i. Telah didaftarkan akibat daripada suatu fraud atau kesilapan atau salahnyataan dalam apa-apa butir yang material;
- ii. Telah tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan oleh Lembaga;
- iii. Telah melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya;
- iv. Telah tidak aktif atau bukan lagi entiti yang patut dan wajar didaftarkan;
- v. Tidak bekerjasama atau menjadi penghalang dalam pelaksanaan peraturan, dasar atau garis panduan yang dibuat di bawah atau menurut kuasa-kuasa di bawah Enakmen ini.

**Rujukan Peraturan berkaitan**

1. Enakmen Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah 1996
2. Pekeliling Dalaman Bil. 3/2021 Pendaftaran Badan Kebudayaan

**- TAMAT-**

**“SABAH MAJU JAYA”**